

Mahkamah Tinggi Delhi Minta Respons Kerajaan Persekutuan, AirAsia India Terhadap Rayuan FIA
Bernama
6 Mac, 2014

NEW DELHI, 6 Mac (Bernama) -- Mahkamah Tinggi Delhi meminta respons kerajaan pusat India dan AirAsia India terhadap rayuan Persekutuan Indian Airlines (FIA) yang membantah kebenaran yang diberikan kepada syarikat penerbangan itu untuk memulakan operasi penerbangan di negara ini.

Pemangku Ketua Hakim Negara B D Ahmed dan Hakim S Mridul juga mengeluarkan satu notis kepada Lembaga Penggalakan Pelaburan Asing (FIPB) dan menetapkan 12 Mac ini untuk mendengar perkara itu bersama rayuan pemimpin parti politik Subramanian Swamy yang mencabar kebenaran yang diberikan kepada syarikat penerbangan itu, demikian menurut laporan Press Trust of India.

Mahkamah juga meminta kerajaan pusat, AirAsia India dan lain-lain responden memfailkan balasan mereka terhadap affidavit tambahan difailkan Swamy, yang mendakwa respons yang difailkan oleh pihak berkuasa pada mahkamah adalah "palsu dan mengelirukan" atau Ketua Pengarah Penerbangan Awam (DGCA) "telah bertindak secara tidak sah dan tanpa mengambil kira undang-undang".

Menurut laporan itu, Swamy kemudian memberitahu media di luar mahkamah bahawa beliau berhasrat memfailkan rayuan terhadap kerajaan pusat mengenai isu itu yang didakwa sebagai "representasi palsu".

Dalam prosiding itu, Swamy mendakwa lesen telah diperoleh dengan membuat representasi palsu kepada mahkamah ini.

Beliau mendakwa usaha sama bernilai US\$30 juta antara Tata Sons dan syarikat berpangkalan di Malaysia, AirAsia Bhd, perlu menunjukkan kepada FIPB bahawa syarikat penerbangan itu akan pada dasarnya dikawal oleh rakyat India, tetapi ini tidak dilakukan.

Dalam rayuannya, FIA memohon supaya dibatalkan kelulusan yang diberikan oleh Kementerian Penerbangan Awam kepada syarikat penerbangan itu.

FIA kemudian ke Mahkamah Tinggi selepas DGCA pada 21 Feb memberikan kebenaran kepada AirAsia untuk memulakan operasi penerbangan berjadualnya.

Dalam petisyennya, persekutuan itu mohon supaya AirAsia "dihalang daripada memulakan perniagaan sebagai pengendali syarikat penerbangan di India".

Swamy, apabila diperintahkan oleh mahkamah tertinggi, telah memfailkan permohonan di Mahkamah Tinggi pelbagai relief termasuk mengetepikan semua "kelulusan/kebenaran" yang diberikan kepada usaha sama Tata-AirAsia itu.

Beliau juga telah memfailkan dua permohonan, yang telah diputuskan lebih awal, memohon mendapatkan relief interim penangguhan terhadap keputusan pada 3 April 2013 oleh kerajaan pusat dan menghalangnya daripada memberikan apa-apa kelulusan/sijil tanpa kepada usaha

sama itu.

Kedua-dua rayuan interim itu telah ditolak oleh Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Agung menolak untuk meluluskan sebarang arahan interim kepada kerajaan pusat berhubung pemberian pelbagai kebenaran dan lesen untuk beroperasi.

Mahkamah tertinggi itu juga menjelaskan bahawa keputusan petisyen yang masih belum selesai di Mahkamah Tinggi itu akan memberi kesan kepada perjanjian usaha sama.

Litigasi Kepentingan Awam Swamy menentang kebenaran kepada perjanjian itu atas alasan mengikut dasar kerajaan, pelaburan langsung asing sehingga 49 peratus dibenarkan dalam syarikat penerbangan sedia ada yang telah beroperasi dan tidak kepada usaha sama baharu atau dicadangkan.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1019879>